

'Dr M kena fikir kewajaran'

Penghormatan sebagai bekas presiden Umno tak sesuai jadi perwakilan: Najib

Oleh Jalal Ali Abdul Rahim dan Mohd Azrone Sarabatin

KELANA JAYA: Tun Dr Mahathir Mohamad perlu menilai antara hak dan kewajaran berhubung hasratnya menjadi perwakilan Umno bahagian Kubang Pasu dan berucap di Perhimpunan Agung Umno November ini, kata Datuk Seri Najib Razak.

Timbalan Perdana Menteri yang juga Timbalan Presiden parti berkata, perlembagaan parti memberi hak Dr Mahathir berbuat demikian tetapi pandangan umum berpendapat beliau tidak perlu meletakkan kedudukannya serendah itu kerana beliau bekas Perdana Menteri dan Presiden Umno.

"Saya tak nak lah sampai ke peringkat menasihatkan Tun...cukup saya beritahu antara hak dan ke-

wajaran umum," katanya selepas merasmikan Persidangan Perwakilan Umno Kelana Jaya di Dewan Kompleks Sukan PKNS di sini, semalam.

Hadir sama, Ketua Penerangan Umno yang juga Ketua Umno bahagian, Tan Sri Muhammad Muhd Taib dan wakil Badan Perhubungan Umno Selangor, Datuk Noh Omar.

Najib berkata, Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mengumumkan Dr Mahathir mempunyai hak dan terserah kepada Badan Perhubungan Umno Kedah memutuskan sama ada membenarkan Dr Mahathir berbuat demikian.

Bagaimanapun, katanya, umum memberi pelbagai reaksi yang kebanyakannya berpendapat ia tidak wajar kerana Dr Mahathir pernah mendapat penghormatan tertinggi kerana pernah memegang jawatan nombor satu negara dan parti.

Ditanya sama ada Dr Mahathir wajar mendengar pendapat umum itu, Najib berkata hanya Dr Mahathir yang boleh membuat keputusan.

Dalam perkembangan lain, Najib

"Saya tak nak lah sampai ke peringkat menasihatkan Tun...cukup saya beritahu antara hak dan kewajaran umum"

Najib Razak
Timbalan Perdana Menteri

berkata, Malaysia masih menunggu lampu hijau Setiausaha Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), Kofi Annan untuk menghantar pasukan pengaman bersama tentera Indonesia dan Brunei ke Lubnan.

"Dia meminta sedikit masa untuk buat keputusan, itulah yang beliau gambarkan pada Perdana Menteri dalam perbualan telefon Rabu lalu. Kita harap keputusannya positif," katanya.

Di KOTA KINABALU, Pengerusi Badan Perhubungan Umno Kedah, Datuk Seri Mahdzir Khalid, berkata hasrat Dr Mahathir itu akan dibincangkan selepas berakhir mesyuarat semua Umno bahagian negeri pada 10 September ini.

Katanya, Dr Mahathir perlu bertanding di peringkat bahagian Kubang Pasu jika mahu menjadi wakil

ke perhimpunan agung tetapi kemenangan sebagai perwakilan bukan jaminan automatik membolehkannya mewakili Kedah untuk berucap.

Mahdzir berkata, hasrat Dr Mahathir menjadi perwakilan agak luar biasa kerana belum pernah dilakukan mana-mana bekas Perdana Menteri sebelum ini.

Katanya, sebagai hegarawan, banyak lagi saluran boleh digunakan untuk menyampaikan pendapat-termasuk ketika dijemput sebagai penceramah pelbagai program di seluruh negara.

Mahdzir yang juga Menteri Besar Kedah berkata, ada ahli Umno di Kedah dan Sabah yang disifatkan sebagai 'desprado' bertindak keluar parti kerana terpengaruh dengan kritikan Dr Mahathir terhadap Perdana Menteri tetapi ia tidak menjejaskan parti kerana jumlahnya terlalu kecil.